

Lelaki direman lanjut bagi bantu siasatan kes khianat guna api

Selepas direman di Sri Aman, berdepan perintah reman lanjut bagi membantu siasatan kejadian babit kedai serbaneka di Kuching

Oleh Hafizah Abdul Hamid

KUCHING: Seorang lelaki yang sebelum ini direman di Sri Aman bagi membantu siasatan kes khianat menggunakan api, kini berdepan perintah reman lanjut di Mahkamah Majistret di sini semalam, bagi membantu siasatan kejadian sama membabitkan sebuah kedai serbaneka di Jalan Green, Sin Sin Park.

Pendaftar Kanan Mahkamah Nuraini Ahmad semalam membenarkan permohonan polis untuk melanjutkan tempoh reman terhadap suspek berusia 36 tahun itu selama tiga hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 436 Kanun Keseksaan.

Pada minggu lalu, suspek telah direman di Sri Aman bagi membantu siasatan kes khianat menggunakan api di daerah berkenaan sebelum dibebaskan dan dibawa ke Kuching pada 26 September 2026 bagi membantu siasatan kejadian sama di Jalan Green.

Suspek kemudian direman selama sehari oleh Majistret Ling Hui Chuan bagi kes berkenaan sebelum tempoh remannya dilanjutkan selama tiga hari oleh Pendaftar Kanan Mahkamah Sesyen Nuraini Ahmad semalam.

Difahamkan, suspek berkenaan direman di Kuching bagi membantu siasatan



DITAHAN SEMULA: Seorang suspek lelaki berusia 23 tahun (dua kiri) yang dibebaskan daripada reman semalam ditahan semula bagi membantu siasatan satu lagi kes. Turut kelihatan adalah peguam Daniel Ling.

kejadian khianat menggunakan api di sebuah kedai serbaneka di Jalan Green, Sin Sin Park, pada 20 September 2026.

Dalam perkembangan sama, seorang daripada dua lagi suspek, lelaki berusia 40 tahun, yang sebelum ini direman bagi membantu siasatan kejadian di Jalan Green telah dibebaskan pada hujung minggu lalu.

Manakala seorang lagi suspek lelaki berusia 23 tahun yang tempoh remannya berakhir semalam turut dibebaskan daripada reman oleh Majistret Nureina Syafika Mohd Najib.

Namun, difahamkan, dia telah ditahan semula, juga pada semalam bagi membantu siasatan satu lagi kes khianat menggunakan api di Saratok.

Difahamkan, kejadian khianat menggunakan api itu berlaku di premis terabit di Jalan Green, Sin Sin Park di sini sekitar jam 8.30 malam pada 20 September 2026.

Susulan kejadian itu, polis menahan suspek berusia 40 tahun di sebuah premis di Sibupada 22 September 2026, sekitar jam 2.40 petang bagi membantu siasatan.

Sementara seorang lagi sus-

pek berusia 23 tahun ditangkap pada hari sama, sekitar jam 9.30 malam di sebuah kafe di Jalan Nanas, Sarikei.

Kes berkenaan merupakan antara dua kejadian khianat menggunakan api yang dilaporkan berlaku di Kuching dan Sri Aman pada Ahad 20 September 2026, membabitkan premis daripada rangkaian kedai serbaneka yang sama.

Setakat ini, tiga lelaki telah ditahan bagi membantu siasatan berhubung kedua-dua kejadian, masing-masing di Sri Aman dan Kuching.

Kesemua suspek diwakili peguam Daniel Ling.